

**SIARAN AKHBAR**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**ANIH BERHAD TERBITKAN CADANGAN JADUAL PERJALANAN (TTA)  
KURANGKAN KESESAKAN DI LEBUH RAYA**

*Jangkaan lebih 3 juta kenderaan di lebuh raya Pantai Timur.*

**KUALA LUMPUR, 15 APRIL 2023**– ANIH Berhad, pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) hari ini menerbitkan Cadangan Jadual Perjalanan (TTA) bermula dari 19 April sehingga 1 Mei memandangkan cuti Aidilfitri kali ini bersambung dengan cuti persekolahan dan cuti umum Hari Buruh.

ANIH Berhad menjangkakan jumlah trafik ke Pantai Timur akan mengalami peningkatan bermula dari 19 April 2023 hingga 21 April 2023 . Manakala kesesakan trafik menghala ke Kuala Lumpur pula dijangka bermula dari 24 April dan 30 April sehingga 1 Mei 2023.

“Pengguna lebuh raya sudah pasti akan mengambil peluang cuti yang panjang ini untuk meluangkan lebih masa bersama keluarga di kampung dan menziarahi sahabat handai. Pihak kami berharap agar pengguna lebuh raya merancang perjalanan di musim perayaan dan percutian ini, memandangkan jangkaan aliran trafik meningkat semasa musim perayaan kepada lebih 3 juta kenderaan di KLK dan LPT1 . Kami akan membuat edaran TTA di Plaza Tol Gombak, Karak dan Bentong pada 16 April ini selain membuat hantaran di laman sosial ANIH BERHAD sebagai rujukan pengguna lebuh raya.” Menurut Pengurus Besar Kanan ANIH Berhad, Radzimah Mohd Radzi.

ANIH Berhad komited dalam mempertingkatkan usaha mengurangkan kesesakan pada musim perayaan ini, termasuklah dengan menambah sehingga 30 peratus bilangan kakitangan sokongannya di plaza tol, serta menempatkan seramai lebih 140 anggota RELA di beberapa kawasan strategik di sepanjang lebuh raya disamping meningkatkan jumlah pekerja pasukan rondaan LPT dan trafik sebanyak 20 peratus dan memperbanyakkan rondaan bagi memastikan kelancaran trafik sepanjang tempoh tersebut.

Sebelum memulakan perjalanan, ingatan penting untuk para pengguna agar memastikan baki e-Wallet dan kad Touch N’Go mencukupi demi mengelakkan sebarang masalah berkaitan baki tidak mencukupi ketika di plaza tol. Pihak ANIH Berhad juga bersiap sedia memudahkan perjalanan pengguna lebuh raya jika ada berlaku kecemasan atau kejadian yang tidak diduga dengan bantuan dan kerjasama daripada pasukan Emergency Response Team (ERT) iaitu daripada pasukan St John Ambulance , Bomba dan Polis.

“Demi keselesaan dan keselamatan, para pemandu dinasihatkan agar sentiasa memandu secara berhemah dan berhenti di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) atau hentian sebelah sekiranya perlu. Patuhi saranan papan tanda jalan dan had laju yang telah ditetapkan serta arahan petugas lebuh raya demi keselamatan semua”, tambah beliau lagi.

Bagi mendapatkan informasi tepat dan terkini, para pengguna disarankan untuk mengikuti saluran rasmi media sosial ANIH Berhad di Facebook (@Lebuhraya Pantai Timur), Twitter, (@LPTTrafik) Lembaga Lebuhraya Malaysia di Twitter (@llmtrafik) dan Facebook (@Lembaga Lebuhraya Malaysia). Jika berlaku kecemasan, sila hubungi LPT - Line di 1-700-818-700 atau LLM di 1800-88- 7752.

-TAMAT-

#### **Tentang ANIH Berhad**

ANIH Berhad ialah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (ECE 1). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang ke Jabor di KM 250.6 Terengganu, LPT memendekkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar utama di sebelah Pantai Timur khususnya Kuantan. Operasi dan penyelenggaraan tol rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diuruskan oleh Kumpulan MTD.

#### **Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan**

Farizan Lod (Izan), Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan,  
M: 019 888 9140. Email: noorfarizan.lod@mtdgroup.com.my

Mohamad Syukri Saringat, Pengurus Komunikasi Korporat Kumpulan  
M: 012-913 8245 Email: syukri.saringat@mtdgroup.com.my